

01/08/2004

Gelanggang basah tidak halang Qabil pertahan gelaran

QABIL Ambak (gambar) dan Red Cloud menerima saingan sengit Toni Leviste dengan kuda Globe Platinum Leap of Faith dari Filipina sebelum merangkul piala perdana klasik pada Kejohanan Show Jumping Piala Perdana di gelanggang Bukit Kiara Resorts Berhad, Kuala Lumpur semalam.

Dalam saingan yang disertai oleh 25 ekuin itu, Qabil yang mempertahankan kejuaraan yang dimenangi di tempat yang sama tahun lalu mencatat 73.82 saat dalam pusingan pertama dan membuat masa terpantas dalam sesi jump-off dengan catatan 40.31 saat.

Berbanding Toni yang pernah beraksi di Olimpik 2000 di Sydney sekadar mencatat masa 85.62 saat pada pusingan pertama dan 40.56 saat pada sesi jump-off.

"Masa yang saya buat kurang memuaskan kerana gelanggang basah dan saya terpaksa memperlambatkan pergerakan Red Cloud terutama ketika membelok di halangan yang sukar," katanya.

Dalam kejohanan tahun lalu dia diberi tentangan oleh ekuin berasal dari Sweden dan mewakili Thailand, Helena Gabrielson dan mencatat masa 35.89 saat dalam sesi jump-off.

Menurut Qabil Toni yang pernah ke kejohanan akhir Piala Dunia 1999 dijangka turut memberi saingan dalam liga Piala Dunia siri pertama yang diadakan esok.

Selain menerima tentangan Toni, Qabil yang mencari tempat sebagai wakil Asia Tenggara di kejohanan akhir liga Piala Dunia hujung tahun ini ditentang oleh abangnya, Quzier dan ekuin adik beradik Syed Omar dan Syed Mohsin Abu Bakar.

Syed Omar dengan kuda barunya, DIGI Port Cora menduduki tempat ketiga dengan lompatan bersih pada pusingan pertama 79.84 saat dan 40.88 saat pada sesi jump-off.

Sementara Quzier mencatat 83.23 saat pada pusingan pertama dan 46.70 saat pada sesi jump-off, sementara Syed Mohsin membuat kepantasan 77.20 saat (47.97 saat).

Dengan kemenangan ini selain menerima piala yang dipertandingkan Qabil juga menerima hadiah wang tunai RM5,000 yang disediakan oleh penganjur Kumpulan ARL.

Hari ini mereka meneruskan saingan dalam acara liga Piala Dunia pusingan pertama iaitu acara kemuncak hari terakhir kejohanan bagi merayakan ulang tahun hari jadi bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

(END)